

# **LAMPIRAN A**

## **KETERANGAN SKOP PROGRAM DAN AKTIVITI LIBATSAMA**

### **Terma Program dan Aktiviti Libatsama Komuniti**

Program dan aktiviti libatsama komuniti harus memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan Universiti. Melalui kerjasama dengan Universiti, masyarakat setempat perlu mendapat manfaat dari segi intelek, budaya, ekonomi dan / atau sosial. Oleh yang demikian, pelaksanaannya adalah berdasarkan kepada terma berikut :

#### **1. Perkhidmatan Pembelajaran Bersepadu**

- Penerima manfaat adalah masyarakat dan pelajar
- Matlamat utama adalah untuk menyediakan perkhidmatan bermakna kepada masyarakat untuk meningkatkan pembelajaran pelajar melalui perkhidmatan ini.
- Integrasi berasaskan kepada kurikulum akademik dan kredit.
- Penempatan di komuniti berasaskan organisasi.
- Membangun dan memupuk sikap keprihatian terhadap orang yang bagi mewujudkan persekitaran komuniti yang positif.
- Untuk membolehkan dan memberi galakan kepada pelajar untuk berbakti kepada masyarakat dan sentiasa cakna kepada persekitaran melalui pembangunan kemahiran, pendedahan dan pengalaman yang berkaitan.

#### **2. Penyelidikan, Inovasi dan Pertukaran Pengetahuan**

- Penerima manfaat adalah organisasi penerima / komuniti / syarikat.
- Matlamat utama adalah untuk mencari penyelesaian inovatif kepada permasalahan atau mewujudkan pengetahuan baharu.

- Penglibatan dengan rakan kongsi untuk diterjemahkan kepada penyelidikan yang memberi manfaat bermakna kepada masyarakat.
- Untuk membangunkan perkongsian yang mampan melalui intgerasi penyelidikan untuk manfaat masyarakat bersama.
- Untuk meningkatkan hubungan dengan industri melalui program tanggungjawab sosial korporat dan pertukaran pengetahuan.
- Memberi peluang kepada sektor swasta dan pakar-pakar industri untuk berkongsi pengetahuan dengan warga Universiti serta masyarakat secara meluas termasuk melalui promosi dan pembangunan kemahiran keusahawan dan peluang pekerjaan.

### **3. Kesukarelawan**

- Penerima manfaat utama adalah masyarakat penerima.
- Matlamat utama adalah perkhidmatan.
- Pemberian kredit akademik bukan merupakan keutamaan dan pelajar mendapat sesuatu yang berharga melalui sumbangan dalam pembangunan khidmat masyarakat di universiti ini.
- Terlibat secara sukarela melalui hati yang tulus dan ikhlas.
- Tidak semestinya ia berkait kepada bidang pengajian pelajar atau bidang kepakaran warganya sebaliknya menyediakan peluang kepada pelajar untuk menceburi bidang-bidang di luar akademik.
- Aktiviti ko-kurikulum yang dilaksanakan di luar waktu kelas / kerja.

### **4. Latihan Industri / Penempatan Pelajar**

- Penerima manfaat adalah pelajar dan organisasi penerima.
- Matlamat utama adalah berkaitan pembelajaran pelajar.
- Menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal secara 'hands-on' dan mampu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bidang pengajian pelajar.

- Menyediakan pelajar dengan pengalaman profesional dan vokasional.
- Integrasi sepenuhnya dengan kurikulum.

## **5. Pembinaan dan Pembangunan Keutamaan Program Komuniti**

- Penerima manfaat adalah masyarakat.
- Matlamat utama adalah khidmat komuniti.
- Dilaksanakan oleh institusi / fakulti / jabatan berdasarkan keperluan atau matlamat masyarakat penerima.
- Boleh menerima kredit akademik atau membawa kepada penerbitan penyelidikan.
- Membantu masyarakat untuk meneroka potensi yang ada dalam setiap komuniti menghadapi cabaran ekonomi mendatang berpandukan kepada prinsip-prinsip pembangunan inovatif yang inklusif.
- Menggalakkan penyertaan sosial dan kesaksamaan.
- Memberi peluang kepada kelompok yang kurang bernasib baik.